

09/06/1997

Unitele sedia hadapi cabaran

Rahman Hashim

ASAS penubuhan Universiti Telekom Malaysia (Unitele) sebenarnya sudah wujud sejak empat tahun lalu di Taiping, Perak. Bagaimanapun ketika itu, ia dikenali sebagai Institut Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat (ITTM).

Pada peringkat awalnya, ITTM menawarkan kursus diploma yang berteraskan kepada telekomunikasi dan teknologi maklumat bagi melahirkan tenaga mahir, yang bakal menerajui Malaysia ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Selepas tiga tahun beroperasi, ITTM melahirkan graduan berkualiti, yang mendapat pengiktirafan bukan saja dalam negara, malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

Seramai 43 graduan sulung ITTM yang dilahirkan sewaktu konvokesyennya pada September tahun lalu, sudah melanjutkan pelajaran ke beberapa buah pusat pengajian tinggi di United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Dua bulan selepas itu, Telekom Malaysia dipelawa oleh Kementerian Pendidikan menubuhkan sebuah universiti swasta dengan menawarkan kursus di peringkat matrikulasi, ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah dalam Kejuruteraan, Multimedia, Teknologi Maklumat dan juga Pengurusan.

Dalam tempoh enam bulan lalu, kakitangan Unitele bertungkus-lumus menggembleng usaha untuk beroperasi sebagai sebuah universiti. Pengambilan kumpulan pertama dilakukan pertengahan Mei lalu, iaitu dengan kemasukan 1000 pelajar.

Bagaimanapun, hanya 970 pelajar saja yang mendaftarkan diri sebagai kumpulan perintis Unitele untuk kemasukan sesi Mei 1997/98.

Di peringkat antarabangsa, Unitele menerima pelajar dari Afrika Selatan, Malawi, Papua New Guinea, Ghana, India, Sri Lanka, Bangladesh dan Kemboja. Pengambilan pelajar ini, secara tidak langsung akan mempermudah proses Unitele untuk mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Ini kerana, pelajar berkenaan akan dapat membuktikan kemahiran dan kepakaran mereka sekembalinya mereka berkhidmat di negara masing-masing. Secara tidak langsung, ini akan membuka mata dunia untuk mengiktiraf Unitele sebagai sebuah pusat pembelajaran dan penyelidikan bertaraf dunia.

Pada Mac lalu pula, Kementerian Pendidikan mengarahkan Unitele menubuhkan Kampus Multimedia selaras dengan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC), projek yang pertama seumpamanya di dunia.

Kampus itu akan bertempat di Siberjaya atau 'intelegent city' dan menjalankan Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Media dan Teknologi Maklumat selaras dengan pelaksanaan projek Bandar Bestari yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu perasmian upacara pecah tanah di Siberjaya.

Kampus Multimedia yang akan dilengkapi dengan peralatan canggih dan dibekalkan dengan tenaga pengajar terlatih, tentunya menjadi jantung dan nadi kepada MSC. Dengan proses pembelajaran yang efektif dan introaktif serta penyelidikan yang menyeluruh dan berteknologi tinggi, Unitele yakin akan menjadi aset untuk membekalkan kepakaran dan tenaga manusia terlatih untuk pelaksanaan projek MSC menjelang alaf ke-21.

Pada pertengahan tahun depan, dijangkakan 2000 pelajar akan memulakan pengajian di Kampus Multimedia, Siberjaya. Kampus itu juga akan menampung lebih 6,000 orang pelajar menjelang tahun 2002.

Walaupun kampus multimedia akan dibangunkan di Siberjaya, kampus Unitele di Melaka akan terus dibangunkan serta ditingkatkan kemudahan yang sedia ada. Antaranya, termasuklah makmal komputer berteknologi tinggi, bilik-bilik kuliah, tenaga pengajar terlatih dan perpustakaan yang serba

lengkap.

Kampus Unitele yang terletak di Bukit Beruang, Melaka ini bakal menempatkan pelajar pusat Matrikulasi dan Pusat Pengurusan. Dijangkakan, menjelang tahun 2000, lebih 4,000 pelajar dapat diambil untuk mengikuti pengajian di situ.

Dengan perkembangan teknologi digital yang semakin canggih dan terkini, adalah dijangkakan, universiti berkenaan tidak akan menghadapi sebarang kerumitan dari sudut pentadbiran dan pengurusan kedua-dua buah kampus.

Dalam konsep globalisasi, faktor jarak bukanlah satu masalah besar. Ini kerana kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi sedia ada akan dapat mengatasi masalah komunikasi di antara kedua-dua kampus ini.

Bagaimanapun, memanglah tidak dapat dinafikan bahawa dalam usia yang baru setahun jagung, banyak cabaran yang perlu dilalui. Pelbagai persaingan akan wujud, lebih-lebih lagi dengan penubuhan institusi pengajian tinggi baru di dalam dan luar negara.

Menurut Presiden Unitele, Prof Ghauth Jasmon, cabaran itu merupakan satu usaha yang kolektif untuk meneruskan keunggulan Unitele untuk terus diiktiraf sebagai pusat pengajian tinggi yang bertaraf dunia.

"Atas kesedaran, inilah maka pihak universiti akan sentiasa mempergiatkan usaha dengan mempertingkatkan kaedah dan mutu pembelajaran dan penyelidikannya dari semasa ke semasa sehingga apa yang dirancangkan itu membuahkan hasil," katanya pada majlis Program Orientasi 1997 Unitele, baru-baru ini.

Katanya, pihak universiti sentiasa mencari jalan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara, demi melengkapkan universiti dengan kepakaran dalam bidang akademik, penyelidikan dan juga pentadbiran.

Beliau berkata, sebagai sebuah institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat pada peringkat antarabangsa, Unitele akan sentiasa menjadi tempat rujukan universiti lain.

Untuk melahirkan universiti bertaraf dunia, Unitele sememangnya mementingkan kualiti tenaga pengajar. Tenaga pengajar terlatih yang berkualiti merupakan aset terpenting kepada universiti itu.

Justeru, Unitele akan sentiasa memastikan bahawa tenaga pengajar itu adalah antara baik kerana kepakaran dan kualiti pelajar Unitele bergantung sepenuhnya pada kewibawaan tenaga pengajar terbabit.

Menjelang tahun 2002 juga, dijangkakan seramai 518 tenaga pengajar terlatih dari seluruh dunia akan diserap ke Unitele, selari dengan hasrat universiti berkenaan untuk melahirkan generasi berteknologi maklumat yang produktif, kreatif dan inovatif.

(END)